

11 JUN 1998

DAP DAKWA POLIS KASAR

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini membidas polis berhubung cara ia menyuraikan satu majlis jamuan malam yang menyebabkan penahanan anaknya yang juga Timbalan Setiausaha Agung parti itu, Lim Guan Eng.

"Ia satu perhimpunan teratur, aman dan mesra bagi membolehkan rakyat Malaysia bersatu untuk melahirkan rasa bimbang terhadap isu-isu nasional berhubung keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran yang baik," katanya pada sidang berita di sini.

Lim berkata beliau telah menghantar faks kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta untuk menemuinya bagi membincangkan tindakan polis yang menahan Guan Eng dan tiga lagi anggota parti kerana mengadakan perhimpunan tidak sah dan menghalang tugas polis.

Keempat-empatnya dibebaskan dari ibu pejabat polis Petaling Jaya pada 2 pagi tadi setelah kenyataan mereka diambil.

Pada sidang berita itu, Guan Eng berkata : "Kami rela ditahan secara baik, bukan dikasari kerana kami bukan penjenayah."

-- BERNAMA

RV MAI